

04 APR 2001

Mahathir-Pelajar (Bergambar)

200 PELAJAR TERBILANG DIRAIKAN PERDANA MENTERI DAN KABINET

PUTRAJAYA, 4 April (Bernama) -- Seramai 207 pelajar paling cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lepas hari ini menikmati jamuan tengah hari yang tidak mungkin mereka lupakan sepanjang hayat -- bersama Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan hampir semua menteri.

Mereka bukan sekadar berpeluang makan tengah hari di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini tetapi juga selama dua jam beramah mesra, bergambar dan mendapatkan autograf Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, para menteri dan timbalan menteri.

Selain meluangkan masa sebagai penghargaan kepada usaha gigih para pelajar itu mencapai sembilan hingga 13 A1, yang dianggap oleh Abdullah sebagai "terbilang" antara lebih 2,000 pelajar cemerlang dalam SPM tahun lepas, mereka turut diberikan dorongan oleh para pemimpin yang dikagumi mereka itu.

"Saya tidak pernah mimpi untuk dirai seperti ini oleh para pemimpin negara, apatah lagi oleh Dr Mahathir dan Pak Lah... pengalaman ini mungkin hanya sekali seumur hidup," kata Raiha Hasni, yang mendapat semua A1 dalam sembilan mata pelajaran yang didudukinya.

Pelajar dari Sungai Petani, Kedah itu, yang sekarang mengikuti kursus Matrikulasi di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, berkata majlis itu merupakan dorongan paling besar untuk beliau berusaha lebih gigih mencapai cita-cita menjadi doktor pakar.

Ibunya, Rohani Ismail, yang menemani Raiha, berkata inisiatif kerajaan meraikan para pelajar cemerlang itu turut mengembirakan ibu bapa yang tumpang berbangga atas kejayaan anak masing-masing.

"Kemesraan antara pelajar di sini boleh meletakkan asas hubungan yang kukuh, meneguhkan lagi perpaduan kaum di kalangan bakal pemimpin negara masa depan," kata Rohani, yang mengagak mungkin itu satu daripada tujuan tersirat majlis itu.

Wong Yew Choe dari Sekolah Tinggi Katholik, Petaling Jaya juga berpendapat peluang bermesra dengan Perdana Menteri, timbalannya dan menteri-menteri merupakan "peristiwa sekali seumur hidup" yang tidak diduganya walaupun setelah mendapat jemputan daripada Pejabat Timbalan Perdana menteri.

"Saya rasa sangat gembira... saya tak pernah mimpi ini akan berlaku," katanya.

Wong sedar usaha kerajaan itu juga bertujuan membolehkan para pelajar itu berkenalan antara satu sama lain dan terus berhubung khasnya melalui e-mel yang alamatnya sudah diedarkan kepada mereka.

Seorang bapa, Paras Ram dari Ipoh, yang mengiringi anak perempuannya Kalpana Sehgal yang mendapat 11 A1, pula berkata penghargaan yang diberikan oleh kerajaan itu akan menjadi dorongan kepada pelajar lain untuk berusaha lebih gigih bagi mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Norfarahiyah Mustafa dari Ipoh yang juga mendapat 9 A1 berkata beliau tidak mungkin melupakan penghargaan yang diterimanya melalui majlis itu terutama kesempatan mendengar sendiri amanat Dr Mahathir dan Abdullah.

"Tak sangkalah, kita diraikan sebegini rupa kerana berjaya dalam pelajaran, yang selama ini kita lihat dan rasakan untuk diri kita sendiri sahaja," kata pelajar itu yang mengakui bahawa ucapan Dr Mahathir membuka perspektif baru baginya mengenai tugas dan masa depannya sebagai pelajar dan warga negara.

Bekas pelajar MRSM Jasin itu yang kini melanjutkan pelajaran di UITM, berazam untuk tidak mengecewakan masyarakat dan negara yang telah mencurahkan banyak pengorbanan selain keluarga dan guru, untuk membolehkannya berjaya.

Mona Zarita Abdul Manan, bekas pelajar Sekolah Menengah Seri Puteri di Kuala Lumpur, yang juga mendapat 9 A1, berpendapat jika kerajaan memberi perhatian sebesar mengadakan majlis itu untuk menghargai pelajar cemerlang, tidak ada sebab bagi pelajar untuk tidak berusaha mencapai kecemerlangan.

"Bukan senang nak makan bersama dengan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan menteri...bergambar dengan mereka, mendengar nasihat dan dorongan mereka," kata Mona Zarita yang mengakui terkilau kerana tidak sempat bergambar kenangan dengan Dr Mahathir, yang dikerumuni terlalu ramai pelajar lain.

-- BERNAMA
MNY AHH MAI